

DVD Writer

Arahan-arahan Operasi
DVDirect Express
VRD-P1

Peraturan Keselamatan

Amaran

Untuk mengurangkan risiko api atau kejutan elektrik, jangan dedahkan radas ini kepada hujan atau lembapan.

Untuk mengelakkan bahaya api atau kejutan, jangan letakkan objek-objek yang dipenuhi dengan cecair, seperti pasu bunga, pada radas.

Jangan pasang kelengkapan ini dalam satu ruang yang terbatas seperti satu almari buku atau unit yang seumpamanya.

Teguran

Penggunaan kelengkapan optik dengan produk ini akan meningkatkan bahaya kecederaan mata. Oleh kerana alur laser yang digunakan dalam penulis DVD ini adalah merbahaya terhadap mata, jangan cuba nyahhimpunkan kabinetnya. Sila merujuk kepada kakitangan yang berkelayakan sahaja.

Perkakas ini dikelaskan sebagai satu produk LASER KELAS 1. TANDA PRODUK LASER KELAS 1 terletak pada bawah bahagian luaran.

CLASS 1
LASER PRODUCT


1类激光产品

Label ini terletak pada bekas perlindungan laser di dalam kurungan.

CAUTION • CLASS 1 BEAMABLE AND RANGIBLE LASER RADIATION WHEN OPEN. AVOID DIRECT EXPOSURE TO THE BEAM.
ATTENTION • PORTABLE LASER. RISK OF INJURY IF IN CONTACT WITH SKIN. AVOID EXPOSURE TO THE BEAM.
VARNING • ANUTTANA LOKKADIN SI MONTAAT SI ANUTTANA LASERSTRALE VILTI SUORAN ALTIIMMATA SUUTTELE.
VAROENN • LASERIN KOKKOSI KOSKES LASERSTRALE SI SUORAN SI SUORAN SI SUORAN SI SUORAN SI SUORAN SI SUORAN.
AVVERTENZE • PERICOLO DI LESIONI LASERSTRALE DI CLASSE 1 SE NON SONO PROTETTE ADEGUATE PER SPERANZA.
ADVARSEL • PERIKATSI SI BEAMABLE LASERSTRALE SI SUORAN SI SUORAN SI SUORAN SI SUORAN SI SUORAN SI SUORAN.
警告 • 打开时可能产生不可见激光束。避免直视激光束。
警告 • 便携式激光。皮肤接触有伤害风险。避免激光束照射。
警告 • 不可见激光束。如果不采取适当保护措施，可能导致眼睛受伤。

Plat nama terletak pada bahagian bawah unit.

Kandungan

Peraturan Keselamatan	2
Baca ini terlebih dahulu	4
Item-item yang dibekalkan	4
Nota mengenai penggunaan	4
Ciri-ciri utama	5
Peranti yang serasi	5
Cakera-cakera yang disokong	5
Bahagian-bahagian dan kawalan	6
Memasukkan satu cakera	7
Rakaman	8
Main balik	9
Panjang Video dan Masa Rakaman	10
Ruang cakera (masa boleh rakam) tersedia untuk perakaman video	10
Masa yang diperlukan untuk merakam	10
Tentang keserasian cakera HD (Definisi Tinggi)	11
 Pencari silapan	12
Langkah beringat	13
Spesifikasi	14

Sila rujuk kepada arahan-arahan operasi Handycam® anda juga

Unit ini hanya boleh digunakan dengan menyambungkannya kepada sebuah Handycam®.

Untuk butiran-butiran lanjut mengenai operasi, rujuk juga kepada arahan-arahan operasi Handycam® anda.

Dalam dokumen ini, “Handycam®” merujuk kepada sebuah camcorder Sony.

Baca ini terlebih dahulu

Item-item yang dibekalkan

Sila pastikan bahawa pakej mengandungi item-item yang berikut. Jika ada item yang hilang atau rosak, sila hubungi pengedar anda.

- Arahan-arahan operasi (dokumen ini)

Nota mengenai penggunaan

Keadaan-keadaan operasi dan simpanan

- Jangan kenakan kejutan atau gegaran kepada unit tersebut. Unit mungkin tidak beroperasi dengan betul.
- Jangan gunakan unit tersebut di kawasan-kawasan yang sangat lantung-lantang. Unit mungkin tidak beroperasi dengan betul.
- Apabila menyambungkan kabel USB unit tersebut kepada Handycam®, pastikan untuk memasukkan palam penyambung mengikut arah yang betul. Memaksakan palam masuk ke dalam pangkalan mungkin merosakkan pangkalan dan mungkin menyebabkan satu pincang tugas unit atau Handycam®.

Mengenai rakaman

- Rancangan-rancangan televisyen, wayang gambar, pita-pita video, dan bahan-bahan lain mungkin dihakcipta. Rakaman bahan-bahan tersebut yang tidak diberi kuasa mungkin melanggar undang-undang hak cipta.

Ciri-ciri utama



Dengan menyambungkan unit tersebut kepada Handycam® anda, anda boleh dengan mudah merakam video-video kepada satu cakera tanpa menggunakan sebuah komputer (One Touch Disc Burn). Cakera yang dicipta boleh dimainkan dengan menyambung unit tersebut kepada Handycam® (One Touch Play). Juga, anda boleh memainkan video-video pada sebuah televisyen dengan menyambung Handycam® kepada televisyen tersebut. Tambahan pula, dengan mengoperasikan unit tersebut daripada Handycam®, anda boleh menikmati beberapa fungsi yang berguna. Fungsi-fungsi tersebut berbeza bergantung kepada Handycam®. Untuk butiran-butiran lanjut, sila rujuk kepada arahan-arahan operasi Handycam® anda.

Peranti yang serasi

- Unit ini direkabentuk khas untuk kegunaan dengan sebuah Handycam®. Sambungkan unit tersebut kepada sebuah Handycam® yang serasi dengan DVD Direct Express. Untuk butiran-butiran lanjut mengenai model-model yang serasi dengan Handycam®, sila rujuk kepada alamat berikut:
<http://www.sony.com/DVDirect/Compatibility>
- Anda tidak boleh menggunakan unit ini dengan sebuah Handycam® atau kamera video selain daripada Sony yang tidak serasi.
- Anda tidak boleh menggunakan unit ini untuk menyalin atau bermain balik satu cakera dengan menyambungkannya kepada sebuah komputer; ia juga tidak boleh digunakan sebagai satu pemacu cakera luaran.

Cakera-cakera yang disokong

Cakera-cakera 12 cm boleh tulis semula yang baru atau belum diguna berikut adalah serasi dengan unit ini.

Jenis cakera	Logo	Kelajuan menulis
DVD+R		Sehingga 16x
DVD-R		Sehingga 16x


- Cakera-cakera kembar/dwilapis dan cakera-cakera 8cm tidak disokong.
- Cakera-cakera DVD+RW dan DVD-RW tidak disokong.

Nota mengenai penggunaan cakera


- Hanya cakera-cakera yang baru atau belum diguna boleh digunakan oleh unit ini.
- Kualiti cakera-cakera boleh rakam yang dihasilkan secara komersial mungkin berbeza. Cakera-cakera yang sub-standard mungkin tidak merakam dengan betul.
- Sesetengah cakera yang telah dirakam mungkin tidak boleh dimainkan disebabkan oleh kualiti rakaman atau keadaan fizikal cakera, atau ciri-ciri peranti main balik.
- Anda tidak boleh bermain balik cakera-cakera yang dirakam dengan peranti video yang lain, atau cakera-cakera yang telah dirakamkan secara komersial.

Bahagian-bahagian dan kawalan

Panel atas



1 Kabel USB (muka surat 8, 9)

2 Butang  (main) (muka surat 9)


3 Butang  (DISC BURN)
(muka surat 8)

Tentang kabel USB

Menarik keluar kabel USB


Tarik keluaran penyambung kabel USB daripada alur tepi unit tersebut.

Jika anda mempunyai sebarang kesusahan membuat demikian, tolak hujung penyambung supaya penyambung menonjol daripada unit tersebut, kemudian tarik keluarkannya.




Menyimpan kabel USB

Simpankan kabel USB ke dalam alur tepi unit tersebut.



Bahagian hadapan



- 1 Dulang cakera
- 2 Lampu ACCESS
- 3 Butang ▲ (lenting)

4 Lubang lenting kecemasan

Jika anda tidak boleh membuka dulang cakera dengan butang ▲ (lenting), masukkan satu pin atau klip kertas yang telah diluruskan ke dalam lubang ini untuk membukakan dulang cakera.

Tentang sumber kuasa

Kuasa unit tersebut dibekalkan daripada Handycam® yang tersambung. Pastikan untuk menyambungkan Handycam® kepada satu saluran keluar kuasa dengan menggunakan satu alat suai Arus Ulang-alik. Anda tidak perlu menyambungkan unit tersebut kepada satu saluran keluar kuasa.

Memasukkan satu cakera


Unit tersebut boleh membuka dulang cakeranya hanya apabila ia disambungkan kepada sebuah Handycam®.

1 Tekan butang ▲ (lenting) untuk membukakan dulang cakera.

Dulang cakera hanya membuka separuh. Bukakannya sepenuhnya dengan tangan.

2 Letakkan cakera dalam dulang cakera, dengan muka rakaman menghala ke bawah.

Cakera sepatutnya klik pada tempatnya.




Jangan sentuh permukaan rakaman cakera.

3 Tolak dulang cakera supaya tutup.

Tolak dulang cakera sehingga ia mengklik.

Rakaman


Menyambungkan unit ini kepada Handycam[®], anda boleh merakam video-video kepada cakera dengan menekan butang  (DISC BURN) sahaja.

1 Hidupkan Handycam[®].

Pastikan untuk meyambung Handycam[®] kepada satu saluran keluar kuasa dengan menggunakan satu alat suai Arus Ulang-alik.

Jika anda tidak menggunakan alat suai Arus Ulang-alik bagi Handycam[®], unit tersebut tidak berfungsi apabila ia disambungkan kepada Handycam[®].

2 Sambungkan unit tersebut kepada port USB Handycam[®].



Anda tidak boleh menggunakan satu kabel lanjutan USB.

3 Masukkan satu cakera baru atau belum diguna.

Untuk butiran-butiran lanjut, lihat “Memasukkan satu cakera” (muka surat 7).

4 Tekan butang (DISC BURN).

Video-video yang baru dirakam oleh Handycam[®] dan belum disalin lagi akan dirakamkan pada cakera.

Jika kandungan video melebihi satu cakera tunggal, ulangi langkah 3 dan 4.

Anda tidak boleh menambah video kepada satu cakera yang telah dirakamkan oleh unit ini.

Beroperasi daripada sebuah Handycam[®]

Untuk beroperasi daripada sebuah Handycam[®], beberapa fungsi rakaman yang mudah didapati. Sebagai contoh, anda boleh memilih beberapa adegan untuk dirakam. Untuk butiran-butiran lanjut, sila rujuk kepada arahan-arahan operasi Handycam[®] anda.

Memeriksa rakaman anda

Apabila anda merakam video-video kepada satu cakera dengan unit ini, pastikan bahawa rakaman telah berjaya dengan memainkan cakera sebelum memadamkan video daripada Handycam[®].

Main balik


Anda boleh menggunakan unit ini untuk bermain balik cakera-cakera yang dicipta, menonton mereka sama ada pada paparan Handycam[®] yang tersambung atau pada sebuah televisyen. Untuk menonton pada sebuah televisyen, anda perlu menyambungkan Handycam[®] kepada televisyen. Untuk butiran-butiran lanjut tentang sambungan kepada sebuah televisyen, sila rujuk kepada arahan-arahan operasi Handycam[®] anda.

1 Hidupkan Handycam[®].

Pastikan untuk menyambungkan Handycam[®] kepada satu saluran keluar kuasa dengan menggunakan satu alat suai Arus Ulang-alik.

Jika anda tidak menggunakan alat suai Arus Ulang-alik bagi Handycam[®], unit tersebut tidak berfungsi apabila ia disambungkan kepada Handycam[®].

2 Sambungkan unit tersebut kepada port USB Handycam[®].



Anda tidak boleh menggunakan satu kabel lanjutan USB.

3 Masukkan satu cakera yang dirakam oleh unit ini.

Untuk butiran-butiran lanjut, lihat “Memasukkan satu cakera” (muka surat 7).

4 Tekan butang (main).

Main balik bermula daripada bahagian permulaan cakera.

Beroperasi daripada sebuah Handycam[®]

Anda juga boleh bermain video-video dengan mengoperasikan Handycam[®]. Untuk butiran-butiran lanjut, sila rujuk kepada arahan-arahan operasi Handycam[®] anda.

Tentang memainkan cakera yang dicipta pada peranti-peranti lain

Dengan Handycam[®] Definisi Tinggi, anda boleh mencipta cakera Definisi Tinggi (format AVCHD). Untuk mendapatkan butiran tentang memainkan cakera pada peranti lain, rujuk kepada muka surat 11.

Panjang Video dan Masa Rakaman

Ruang cakera (masa boleh rakam) tersedia untuk perakaman video

Masa rakaman yang tersedia bagi video pada cakera bergantung kepada tetapan mod REC Handycam®.

Definisi Tinggi (HD)		Definisi Biasa (SD)	
mod REC	Masa boleh rakam*	mod REC	Masa boleh rakam*
HD FH	anggaran 30 minit	STD HQ/HQ	anggaran 1 jam
HD HQ	anggaran 55 minit	SP	anggaran 1 jam 30 minit
HD SP	anggaran 1 jam 10 minit	LP	anggaran 3 jam
HD LP	anggaran 1 jam 35 minit		

* Cakera tunggal

Panduan

- Apabila menukar turun kepada SD (Definisi Biasa) dengan model Handycam® yang bersesuaian, anda boleh merakam sehingga anggaran 2 jam 40 minit pada cakera. (Kualiti gambar mungkin bergantung kepada masa perakaman.)
- Mod REC yang tersedia berbeza-beza antara model Handycam®.

Masa yang diperlukan untuk merakam

Semasa merakam video, panjang masa yang diperlukan untuk merakam bergantung kepada model Handycam®, tetapan mod REC yang digunakan untuk membuat penggambaran video dan bilangan babak yang terkandung dalam video. Lazimnya, lebih banyak masa diperlukan untuk merakam video kepada cakera sekiranya video telah dirakamkan pada tetapan kualiti (kadar bit) imej yang lebih tinggi. Menukar turun kepada video SD (Definisi Biasa) mengambil masa yang lebih lama daripada masa video sebenar.

Merakam video HD (Definisi Tinggi) atau video SD (Definisi Biasa) seperti adanya	anggaran 20 minit ~ 1 jam
Menukar turun kepada video SD (Definisi Biasa)	anggaran 1 jam 5 minit ~ 3 jam

Nota

- Anda tidak boleh merakam video HD (Definisi Tinggi) yang diambil dalam mod REC pada kadar bit melebihi 18Mbps, seperti dalam mod [HD FX] (sebagai contoh, Handycam® Definisi Tinggi) dalam format AVCHD.
- Sekiranya masa babak melebihi kapasiti cakera, perakaman tidak boleh dilakukan. Dalam hal ini, bahagikan babak menggunakan fungsi sunting Handycam®.

Tentang keserasian cakera HD (Definisi Tinggi)


Cakera HD (Definisi Tinggi) tidak boleh dimainkan pada pemain atau perakam DVD yang tidak serasi AVCHD.

Jangan masukkan cakera HD (Definisi Tinggi) ke dalam pemain atau perakam DVD yang tidak serasi AVCHD. Pemain atau perakam DVD mungkin gagal melenting cakera dan mungkin memadam kandungannya.



Cakera HD (Definisi Tinggi) boleh dimainkan pada pemain/perakam Blu-ray Disc yang serasi AVCHD, Playstation 3® atau peranti lain yang serasi.

Jenis cakera yang dicipta dan peranti yang serasi

Cakera HD (Definisi Tinggi) (mengandungi video Definisi Tinggi)



Cakera SD (Definisi Biasa) (mengandungi video Definisi Biasa)



* Pasang aplikasi yang serasi AVCHD di komputer anda terlebih dahulu. Walaupun keadaan persekitaran komputer memenuhi keperluan sistem, bunyi bisung dalam main balik video, bingkai digugurkan, atau bunyi terputus-putus mungkin berlaku. (Hal ini tidak bergantung kepada kualiti cakera yang dicipta.)




? Pencari silapan

Jika anda mengalami sebarang kesusahan yang berikut ketika menggunakan unit tersebut, gunakan panduan pencari silapan ini untuk membantu memulihkan masalah sebelum meminta bantuan perbaikan. Sila rujuk juga kepada arahan-arahan operasi Handycam[®] anda. Jika masalah berkekalan, hubungi pengedar Sony anda.

Handycam[®] tersambung, tetapi unit tidak berfungsi.

- Pastikan bahawa Handycam[®] anda disokong oleh unit ini (muka surat 5).
- Pastikan bahawa Handycam[®] disambung kepada satu saluran keluar kuasa dengan alat suai Arus Ulang-aliknya.
- Pastikan bahawa Handycam[®] diubahsuai dengan betul dan kabel USB disambung dengan betul kepada Handycam[®].
- Tanggalkan kabel USB daripada Handycam[®]. Padamkan Handycam[®], dan kemudian hidupkannya sekali lagi. Kemudian sambungkan kabel USB kepada Handycam[®] sekali lagi.

Video tidak boleh dirakam pada cakera.

- Video yang dirakamkan menggunakan butang  (DISC BURN) pada Handycam[®] tidak boleh dirakamkan menggunakan butang  (DISC BURN) sekali lagi. (Cakera yang sama tidak boleh dicipta semula menggunakan butang  (DISC BURN)). Untuk membuat salinan cakera yang sama, pilih tetapan [PLHN BAKAR CKRA] pada Handycam[®].
- Pastikan bahawa cakera tersebut adalah serasi dengan unit ini (muka surat 5).
- Pastikan bahawa cakera tersebut adalah cakera baru atau belum diguna. Satu cakera yang telah dirakam atau diformat oleh peranti lain tidak boleh digunakan.
- Pastikan bahawa tidak ada habuk, kekotoran atau cap jari tangan pada muka sebelah rakaman cakera.
- Pastikan bahawa cakera diletakkan dalam dulang cakera dengan muka sebelah rakaman menghala ke bawah.


- Gegaran unit mungkin menyebabkan satu pincang tugas Handycam[®]. Jangan letakkan Handycam[®] pada unit tersebut.

Satu cakera tidak boleh dimainkan.

- Anda hanya boleh main balik cakera-cakera yang dicipta oleh unit ini. Anda tidak boleh memainkan balik cakera-cakera yang dirakam pada peranti video yang lain, atau cakera-cakera yang telah dirakam secara komersial.
- Pastikan bahawa cakera tidak ada habuk, kekotoran atau cap jari tangan pada muka sebelah main balik.
- Pastikan bahawa diletakkan dalam dulang cakera dengan muka sebelah main balik menghala ke bawah cakera.

Cakera tidak boleh dilentingkan.

Butang (lenting) tidak berfungsi.

- Tanggalkan kabel USB daripada Handycam[®], padamkan kuasa Handycam[®], kemudian hidupkannya sekali lagi, sambung kembali kabel USB kepada Handycam[®], dan kemudian tekan butang  (lenting). Jika cara ini tidak berkesan, buka dulang cakera dengan menggunakan lubang lenteng kecemasan (muka surat 7).
- Unit tersebut boleh membuka dulang cakeranya hanya apabila ia tersambung kepada Handycam[®]. Pastikan bahawa unit tersebut disambung kepada Handycam[®] dengan betul.
- Pastikan Handycam[®] disambung kepada satu saluran keluar kuasa dengan menggunakan satu alat suai Arus Ulang-alik.
- Cakera tidak boleh dilenting ketika merakam atau memainkan satu cakera.

Langkah beringat

Mengenai penggunaan dan penjagaan

Jangan guna atau simpan unit dan aksesori di lokasi-lokasi berikut:

- Di tempat yang tersangat panas, sejuk atau lembap.
Jangan biarkannya terdedah kepada suhu melebihi 60 °C, seperti di bawah pancaran terus matahari, dekat dengan pemanas atau dalam sebuah kereta yang terletak di bawah matahari. Mereka mungkin pincang tugas atau menjadi rosak.
- Berdekatan medan-medan magnet atau gegaran mekanikal yang kuat.
Unit tersebut mungkin pincang tugas.
- Berdekatan gelombang-gelombang radio atau radiasi yang kuat.
Unit tersebut mungkin tidak boleh merakam dengan betul.
- Di satu pantai berpasir atau di tempat yang berhabuk.
Jika pasir atau habuk memasuki unit tersebut, pincang tugas atau kerosakan yang tidak boleh diperbaiki mungkin berlaku.

Tentang mengendalikan selongsong

- Jika selongsong menjadi kotor, bersihkannya dengan sehelai kain lembut yang telah dilembapkan dengan sedikit air, dan kemudian lapkan selongsong dengan sehelai kain lembut yang kering.
- Elakkan yang berikut supaya tidak merosakkan kemasan:
 - Bahan-bahan kimia seperti pencair, benzena, alkohol, kain-kain kimia, bahan penolak, racun serangga dan pelindung matahari
 - Kendalikan unit tersebut dengan bahan-bahan yang di atas terkena pada tangan anda
 - Biarkan selongsong bersentuhan dengan objek-objek getah atau vinil untuk satu jangka masa yang panjang

Pengangkutan

Sila membungkus semula unit tersebut dalam karton asalnya ketika penghantaran.

Jika unit tersebut akan dihantarkan, keluarkan sebarang cakera terlebih dahulu.

Pemeluwapan

Jangan dedahkan unit tersebut kepada penukaran suhu yang mendadak. Jangan gunakan unit tersebut serta-merta selepas membawanya daripada satu lokasi yang sejuk ke satu lokasi yang panas atau meningkatkan suhu bilik dengan tiba-tiba, kerana pemeluwapan mungkin berlaku pada unit tersebut. Jika penukaran suhu berlaku dengan tiba-tiba ketika sedang menggunakan unit tersebut, padamkan kuasa dan hentikan penggunaannya untuk sekurang-kurangnya satu jam.

Apabila membawa unit tersebut di antara suhu-suhu ekstrem, letakkannya dalam satu beg plastik yang kalis udara. Biarkan sekurang-kurangnya satu jam agar unit tersebut menyesuaikan kepada suhu sekeliling sebelum penggunaan.

Mengendalikan cakera-cakera

- Pegang cakera-cakera hanya pada tepi-tepinya. Jangan sentuh bahagian permukaan main balik/rakaman.
- Jangan lekatkan label pada cakera-cakera.
- Jangan simpankan cakera-cakera di lokasi-lokasi yang berhabuk atau lembap, di bawah sinaran terus matahari, atau berdekatan peranti-peranti yang menghasilkan haba.
- Untuk melindungi data-data yang penting, sentiasa simpankan cakera-cakera di dalam kotak-kotak mereka.
- Bersihkan cakera dengan kain pembersih. Lapkan cakera dari tengah ke luar.
- Data mungkin tidak dirakam dengan betul jika terdapat calar-calar atau habuk pada cakera-cakera boleh tulis. Kendalikan cakera-cakera dengan berhati-hati.

Spesifikasi

Rakaman

Peranti-peranti yang disokong

Handycam® disokong oleh DVDDirect Express.

Untuk butiran-butiran lanjut mengenai

Handycam® yang disokong oleh unit tersebut.

Lihat alamat berikut:

<http://www.sony.com/DVDDirect/Compatibility>

Cakera-cakera boleh rakam

Cakera-cakera 12cm DVD+R, DVD-R

Main balik

Cakera-cakera boleh main balik

Cakera-cakera yang dicipta dengan VRD-P1

(Cakera-cakera komersial atau yang telah

dirakam tidak disokong.)

Umum

Penggunaan: 7 W (maksimum)

Suhu operasi: 5 °C hingga 35 °C

Suhu storan: -20 °C hingga +60 °C

Saiz: Lebih kurang 143 × 162,5 × 25 mm (L×D×T)
termasuk bahagian-bahagian yang menonjol

Berat: Lebih kurang 400 g

Reka bentuk dan spesifikasi-spesifikasi boleh berubah tanpa pemberitahuan.

- “Handycam” dan **HANDYCAM** merupakan tanda dagang berdaftar Sony Corporation.
- “DVDDirect” dan logo DVDDirect merupakan tanda dagang Sony Corporation.

Sistem dan nama-nama produk lain yang digunakan di sini merupakan tanda dagang berdaftar atau tanda dagang pekilang masing-masing, walaupun tanda-tanda TM dan [®] tidak digunakan dalam dokumen.

